

**SOALAN NO. 87****PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN IDRIS BIN HAJI AHMAD [BUKIT GANTANG]**

**TARIKH : 24 JULAI 2017**

**SOALAN :**

**YB Tuan Idris Bin Haji Ahmad [Bukit Gantang] minta PERDANA MENTERI menyatakan sehingga kini berapakah bilangan pelajar yang mengikuti Program Pendidikan PERMATA Pintar di Malaysia dan sejauh mana program ini mencapai objektif penubuhan PERMATA.**

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Program PERMATA Pintar menggabungkan Kurikulum Kebangsaan dan Kurikulum PERMATA Pintar yang digubal secara khusus berteraskan pendidikan STEM (*Science, Technology, Engineering and Mathematic*). Ianya bertujuan menyediakan satu sistem pendidikan yang holistik bagi pelajar pintar dan berbakat. Kurikulum PERMATA Pintar membolehkan pendidikan murid-murid dipecutkan (*accelerate*) melalui kaedah pengayaan dan mampatan. Sijil Tamat Kolej PERMATA Pintar telahpun diiktiraf oleh *American College Board* dan beberapa universiti terkemuka dunia seperti *Cambridge University, Oxford University, Stanford University, Princeton University* dan *Cornell University*. Pengiktirafan ini membolehkan pelajar-pelajar PERMATA Pintar untuk melanjutkan pengajian ke institusi-institusi pengajian tinggi di luar negara selepas tamat tingkatan 5.

Bilangan pelajar yang telah menamatkan pembelajaran di Kolej PERMATA Pintar dari tahun 2012 hingga 2016 ialah seramai 519 orang pelajar. Daripada jumlah tersebut, seramai 124 orang pelajar telah berjaya melanjutkan pengajian di universiti terkemuka luar negara seperti *John Hopkins University, Boston University, University of Iowa, New South Wales University, University of Sydney, University of Cambridge, Oxford University, Princeton University, Seoul National University* dan *University of Moscow*.

Manakala 395 orang pelajar pula telah melanjutkan pengajian di universiti dalam negara.

Sehingga kini seramai 35 orang pelajar telahpun menamatkan pengajian di peringkat Sarjana Muda. Seramai 8 orang pelajar pula sedang melanjutkan pengajian di peringkat Sarjana di universiti- universiti dalam dan luar negara. 2 orang pelajar pula telah diterima untuk melanjutkan pengajian terus ke peringkat Doktor Falsafah iaitu di *University of Oxford, United Kingdom* dan *Brown University, USA*. Sementara itu, seorang graduan PERMATA Pintar telah diterima bekerja di Syarikat Apple Incorporated di USA. Selainnya telah pun mempunyai pekerjaan masing-masing dalam pelbagai bidang.

Sekian, terima kasih.